



**HOSPITAL RAJA PEREMPUAN ZAINAB II
15586 KOTA BHARU, KELANTAN**

**MEMO
PEJABAT PENGARAH**

Ruj. Kami	HRPZ II: 100-7/2/2 (17)
Tarikh	15 April 2019
Perkara	TATACARA PERMOHONAN PENGGUNAAN RUANG GUNA SAMA HRPZ II
Daripada	Pengarah
Kepada	Semua Ketua Jabatan dan Unit
Salinan kepada	Timbalan-Timbalan Pengarah

U/Bhg. Dato' /Datin/ Tuan/Puan,

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa kebelakangan ini terdapat program-program dan majlis yang dianjurkan oleh persatuan/kelab dan juga oleh Jabatan/Unit HRPZII dengan kerjasama persatuan/kelab bawah Jabatan/Unit yang melibatkan penggunaan ruang guna sama di HRPZ II.

3. Sehubungan itu, bagi tujuan penyelarasan, tatacara permohonan dan penggunaan ruang guna sama adalah seperti berikut:

- i. Semua permohonan ruang guna sama perlulah mengisi Borang Permohonan untuk Menggunakan Ruang Guna Sama yang boleh didapati di laman sesawang HRPZ II (<http://hrpz2.hoh.gov.my>). Borang permohonan hendaklah dikepikan bersama surat/memo permohonan;
- ii. Kelulusan perlulah diperoleh daripada Timbalan Pengarah (Pengurusan) atau Ketua Penolong Pengarah (Khidmat Pengurusan) sebelum program diadakan; dan
- iii. Caj sewa akan dikenakan bagi permohonan persatuan/kelab di bawah jabatan/unit di HRPZ II ataupun mana-mana persatuan tempatan.

*Edar pd
14/4/2018*

